

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan*

- 1 (a) Berikut merupakan dialog diantara dua orang usahawan berkaitan dengan entiti perniagaan.



Berdasarkan dialog, terdapat maklumat yang kurang dijelaskan oleh Amin. Anda dikehendaki membantu Badrul untuk mendapatkan maklumat yang jelas.

- (i) Berapakah bilangan pemilikan bagi Syarikat Berhad?
- (ii) Nyatakan tanggungan liabiliti bagi perniagaan Perkongsian?

[2 markah]

- (b) Petikan Buku Tunai Runcit berikut diperolehi daripada Perniagaan Violent Enterprise. Terdapat beberapa urus niaga belum lengkap direkodkan.

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Fol.	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Bayaran		
					Alat Tulis	Belanja Pos	Belanja Pejabat
2022			RM	RM	RM	RM	
Mac 1	Baki Bank		80 120				
8	Pen dan pensel			35	35		
12	Tiket tempat letak kereta			5			5
20	Kertas A4			30	30		
21	Sampul surat dan setem			15			
29	Dakwat pencetak			40			

Berdasarkan Buku Tunai Runcit, nyatakan analisis bayaran yang perlu dimasukkan untuk urus niaga berikut:

Tarikh urus niaga	Analisis Bayaran
Mac 21	
29	

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut merupakan kesilapan urus niaga yang diperolehi daripada Syarikat Tekun Bhd.

Sebuah komputer berharga RM1 800 yang dibeli pada 28 Jun 2022 secara kredit daripada Kedai Komputer Ming telah didebitkan dalam Akaun Lekapan dan dikreditkan dalam Akaun Kedai Komputer Ming.

Rekodkan pembetulan kesilapan urus niaga tersebut ke dalam jurnal Am. (keterangan tidak diperlukan).
[2 markah]

- (d) Berikut merupakan petikan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemaskini Buku Tunai yang diambil daripada sesebuah perniagaan.

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2022

	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai		18 700
Tambah: X		
Belanja Runcit (No. cek 122152)	380	
Belian (No. cek 122153)	1 500	
Dividen	800	
		2 680
Tolak: Deposit Belum Dikreditkan		
Lumayan Trading	900	
Y	100	(1 000)
Baki kredit di Penyata Bank		1 680

Apakah item yang sesuai bagi X dan Y?

[2 markah]

- (e) Pernyataan berikut adalah urus niaga yang berkaitan dengan Akaun Pengeluaran.

	Urus niaga	Komponen
(i)	Gaji pengurus kilang adalah sebanyak RM2 300.	
(ii)	Setiap tahun Syarikat perlu membayar RM350 untuk Hak Cipta barangannya.	

Nyatakan komponen kos pengeluaran yang tepat berkaitan dengan urus niaga tersebut.

[2 markah]

- 2 Nor dan Mawi ialah pekongsi dalam Perkongsian NorAsmawi yang menubuhkan perkongsian sejak tiga tahun yang lalu dengan modal tetap masing-masing berjumlah RM60 000 dan RM40 000.

Ikatan perkongsian mereka menetapkan syarat-syarat yang berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal.
- (ii) Nor dibayar gaji tahunan sebanyak RM12 000.
- (iii) Mawi menerima elaun 15% atas jualan tunai.
- (iv) Faedah atas modal ialah 10% setahun.

Baki-baki berikut diperoleh pada 31 Disember 2021:

	RM
Premis	85 000
Inventori pada 1 Januari 2021	25 000
Akaun belum terima	12 000
Akaun belum bayar	8 500
Jualan kredit	75 400
Jualan tunai	18 000
Bank	13 150
Pinjaman 4%	8 000
Peruntukan hutang ragu pada 1 Januari 2021	940
Belian	42 300
Gaji pekerja	24 000
Kadar bayaran	3 200
Insurans	1 320

Maklumat tambahan:

- (i) Akaun Semasa pekongsi pada 1 Januari 2021:

	RM	
Nor	180	Kt
Mawi	5 050	Dt

- (ii) Penilaian pada 31 Disember 2021:

	RM
Inventori	24 100
Premis	82 000

- (iii) Insurans yang dibayar adalah bagi tempoh 1 April 2021 hingga 31 Mac 2022.
- (iv) Bil elektrik bulan Disember 2021 belum dijelaskan berjumlah RM700.
- (v) Hutang lapuk dihapuskan sebanyak RM600. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas baki akaun belum terima bersih.
- (vi) Pinjaman bank RM10 000 berkadar faedah 4% setahun diperoleh pada 1 Januari 2021 untuk tempoh 60 bulan.
- (vii) Gaji pekerja termasuk gaji Nor sebanyak RM2 400.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [12 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [6 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan). [4 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (bahagian Ekuiti Pemilik sahaja) [3 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab dua soalan daripada bahagian ini.*

- 3 Asrif, pemilik Kedai Runcit Jimat, tidak menyimpan rekod-rekod mengikut sistem catatan bergu.

Berikut ialah baki-baki aset dan liabiliti Kedai Runcit Jimat:

Baki pada 31 Mac 2021:

	RM
Akaun Belum Terima	1 710
Inventori	2 070
Perabot	2 500
Tunai runcit	340
Akaun Belum Bayar	2 970
Bank (Kredit)	1 760
Sewa prabayar	350
Susut nilai terkumpul perabot	?
Komisen belum terperoleh	490

Baki pada 31 Mac 2022

	RM
Akaun Belum Terima	3 800
Kenderaan (Kos)	40 000
Inventori	9 350
Perabot	2 500
Tunai runcit	370
Akaun Belum Bayar	3 640
Bank	2 920
Gaji belum bayar	600
Susut nilai terkumpul perabot	?
Komisen belum terperoleh	450

Maklumat Tambahan:

- (i) Sebanyak RM400 daripada jumlah hutang diisytihar sebagai hutang lapuk
- (ii) Satu nota kredit yang diterima daripada pembekal RM580 belum direkodkan.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan pada kadar 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (iv) Pemilik mengeluarkan RM340 daripada bank untuk kegunaan sendiri. Dia juga telah mengeluarkan barang niaga bernilai RM250 setiap bulan .
- (v) Perabot bernilai RM2 500 telah dibeli pada 1 April 2020. Pada 1 April 2022 pemilik membawa masuk perabot bernilai RM3 500 dari rumah untuk kegunaan pejabat. Perkara ini belum direkod.
- (vi) Perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (vii) Kenderaan bernilai RM40 000 dibeli pada 1 April 2021, dijangka diguna pakai selama 10 tahun. Pada akhir tempoh usia guna, kenderaan tersebut boleh dijual semula pada nilai RM10 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 1 April 2021. [6 markah]
- (b) Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2022. [8 markah]
- (c) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2022. [5 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Mac 2022. [6 markah]

- 4 (a) Jus Jambu Berhad adalah pengeluar minuman kotak yang terkemuka. Pada 15 Januari 2019, Jus Jambu Berhad telah menerbitkan 560 000 unit syer biasa pada harga RM0.50 sesyer dan 600 000 unit 8% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer kepada orang awam. Pada 31 Januari 2019 semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 31 Julai 2019, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan pembayaran dividen interim syer keutamaan dan 3sen sesyer kepada pemegang syer biasa dan mencadangkan dividen akhir 7% kepada pemegang syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (i) menghitung dividen interim syer biasa, dividen akhir syer keutamaan dan syer biasa [4 markah]

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 hingga 2021, keuntungan syarikat yang diagihkan untuk pembayaran dividen kepada pemegang syer adalah seperti berikut.

Tahun	Keuntungan	Pembayaran Dividen 8% Syer Keutamaan	Pembayaran Dividen Syer Biasa
2019	185 000		
2020	Tiada		
2021	200 00		

- (ii) Hitung dividen 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa yang dibayar kepada pemegang syer untuk tahun 2019 hingga 2021. [6 markah]

- (b) Marina merupakan setiausaha kepada Kelab Sukan Graduan Bumiputra. Berikut adalah Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 yang diterima oleh Marina daripada bendahari persatuan.

	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2021		8 400
Penerimaan:		
Yuran ahli	27 450	
Yuran masuk	900	
Derma	1 950	
Sewa - Dewan persatuan	3 900	
Majlis makan malam – jamuan tahunan	8 400	42 690
		51 090
Pembayaran:		
Gaji	15 000	
Kadar bayaran	3 660	
Majlis makan malam - jamuan tahunan	7 740	
Majalah	1 470	
Pos dan stem	390	
Alat tulis	840	
Belanja am	1 110	
Kelengkapan sukan	2 550	
Belanja membaiki stor	4 500	37 260
Baki pada 31 Disember 2021		13 830

Maklumat tambahan:

(i) Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2021:

	RM
Bangunan kelab	105 000
Yuran belum terima	2 100
Yuran belum terperoleh	1 470
Perabot (kos)	13 500
Susut nilai terkumpul Perabot	5 400
Kadar bayaran belum bayar	780
Alat tulis	150

(ii) Kelengkapan sukan baru telah dibeli pada 1 Julai 2021 dan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos.

(iii) Yuran yang masih tertunggak tahun lepas bernilai RM80 dihapuskira sebagai yuran lapuk.

(iv) Aset dan liabiliti pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	RM
Yuran belum terima	2 400
Yuran belum terperoleh	1 560
Kadar bayaran belum bayar	930
Alat tulis	240

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran [4 markah]
- (b) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [6 markah]

5 (a) Berikut ialah urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Mac 2021 bagi Kedai Runcit Medsos.

- Mac**
- 1 Baki tunai di tangan berjumlah RM500.
 - Baki tunai di bank berjumlah RM20 000.
 - 3 Beli barang niaga dengan cek daripada Kedai Femi RM700.
 - 6 Jual barang niaga kepada Subha dan terima tunai RM800. Sebanyak RM500 dibankkan dan bakinya disimpan di pejabat.
 - 9 Terima cek daripada Kedai Win Yee RM360 untuk menjelaskan hutangnya RM400.
 - 13 Jualan tunai sebanyak RM1 200.
 - 16 Pindahkan tunai ke dalam bank sebanyak RM 1600
 - 21 Cek yang diterima daripada Kedai Win Yee pada 9 Mac ditanda “Rujuk kepada Penyuruh Bayar”.
 - 24 Menjelaskan hutang dengan Pembekal Su Ann RM1 300 dengan cek dan menerima diskaun RM140.
 - 30 Bayar gaji pekerja dengan cek RM1 400.

Anda dikehendaki merekod urus niaga di atas ke dalam buku tunai 3 lajur di **Lampiran A** dan mengimbangkannya pada 31 Mac 2021.

[10 markah]

(b) Maklumat di bawah diperoleh daripada buku perniagaan Seri Kemboja Enterprise pada 1 Mei 2021.

	RM		RM
Alatan pejabat	4 600	Modal	15 400
Inventori barang niaga	7 800	Untung bersih	4 280
Akaun belum terima	5 320	Akaun belum bayar	5 790
Tunai di bank	7 750		

Urus niaga sepanjang bulan Mei ialah seperti berikut:

- Mei 4 Sekeping cek RM2 230 yang diterima daripada seorang pelanggan telah dipulangkan oleh bank ditanda “Baki tidak mencukupi”.
- 7 60% daripada inventori dijual secara kredit kepada Pritika Trading dengan harga RM4 800.
- 9 Membayar kepada pembekal dengan cek RM1 800 untuk menyelesaikan hutang sebanyak RM2 000.
- 16 Membeli barang niaga secara kredit RM4 300 daripada RB Enterprise.
- 19 Menerima nota kredit daripada RB Enterprise RM360 kerana pemulangan barang rosak.
- 22 Menerima cek untuk komisen sebanyak RM570.
- 25 Membayar kadar bayaran kedai sebanyak RM680 dengan menggunakan cek peribadi.
- 28 Pemilik membawa masuk tunai peribadi ke dalam perniagaan RM5 000 dan dibankkan.
- 30 Pemilik mengeluarkan sebuah pencetak perniagaan bernilai RM480 untuk kegunaan anaknya.

Anda dikehendaki merekod urus niaga bulan Mei dalam jadual persamaan perakaunan di **Lampiran B**.

[10 markah]

- 6 (a) Data berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Perniagaan Ratuku pada pelbagai peringkat keluaran Produk Kecantikan Ayu.

Paras Keluaran (unit)	0	5 000	10 000	15 000
Jumlah Kos (RM)	150 000	300 000	450 000	600 000
Jumlah Hasil (RM)	0	275 000	550 000	825 000

Kos Tetap diandaikan malar.

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung:
- (a) Kos Berubah Seunit. [2 markah]
- (b) Titik Pulang Modal dalam unit pengeluaran. [2 markah]
- (c) Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk mendapatkan keuntungan RM60 000. [2 markah]
- (d) Titik Pulang Modal yang baru jika Kos Berubah Seunit berkurang sebanyak RM1. [2 markah]
- (ii) Melakarkan Graf Titik Pulang Modal dengan mengambilkira maklumat (d) (i) dan menunjukkan:
- (a) Garisan Kos Tetap. [1 markah]
- (b) Garisan Jumlah Kos. [1 markah]
- (c) Garisan Jumlah Hasil. [1 markah]
- (d) Titik Pulang Modal. [1 markah]
- (b) Maklumat berikut diperolehi daripada Imbangan Duga Kedai Buku Jejak Ilmu.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2021 (Petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	48 100	
Hutang Lapuk	600	

Maklumat tambahan:

- (i) Baki Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun-tahun yang lalu adalah seperti berikut:

31 Disember 2019	RM1 470
31 Disember 2020	RM1 560

- (ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 3% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Belum Terima [2 markah]
- (ii) Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun 2019, 2020 dan 2021. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

5(a)

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank
		RM	RM	RM			RM	RM	RM

5(b)

JADUAL PERSAMAAN PERAKAUNAN

Tarikh	Alatan Pejabat	Akaun Belum Terima	Inventori	Bank	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung Bersih
2021	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Mei 1							
4							
7							
9							
16							
19							
22							
25							
28							
30							